



Jabatan Audit Negara
Malaysia

MS ISO 9001:2000

Laporan Hari Audit Se Malaysia 2006



5 DISEMBER 2006

HOTEL GRAND BLUEWAVE, SHAH ALAM, SELANGOR

Dirasmikan Oleh:

Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir bin Toyo

Menteri Besar Selangor

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
INTIPATI HARI AUDIT SE MALAYSIA	1 - 3
ATUR CARA MAJLIS	4
PENERIMA SIJIL PENYERTAAN PROGRAM ANAK ANGKAT TAHUN 2005/2006	5 - 6
SENARAI SEKOLAH TERPILIH YANG MENERIMA SUMBANGAN BUKU	7
UCAPAN ALUAN KETUA AUDIT NEGARA	8 - 11
UCAPAN PERASMIAN Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR	12 - 16
JAWATANKUASA PENGANJUR	17
GAMBAR AKTIVITI HARI AUDIT SE MALAYSIA TAHUN 2006	18 - 23

INTIPATI HARI AUDIT SE MALAYSIA

PENDAHULUAN

- 1.1 Sambutan Hari Audit Se Malaysia tahun 2006 adalah kesinambungan kepada perayaan Ulang Tahun ke 100 Institusi Audit Negara yang diadakan pada penghujung tahun lalu. Sambutan ini telah diadakan pada 5 Disember 2006 bertempat di Hotel *Grand BlueWave*, Shah Alam, Selangor dan Cawangan Audit Negeri Selangor menjadi tuan rumah.
- 1.2 Objektif Sambutan Hari Audit Se Malaysia diadakan untuk memberi peluang kepada Jabatan/Agensi memahami peranan dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara semenjak dahulu hingga sekarang, mendapatkan pandangan/nasihat berhubung kewangan/aktiviti mereka dan mendapatkan maklum balas ke arah penambahbaikan pengurusan Audit.
- 1.3 Majlis telah dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir b. Toyo, Menteri Besar Selangor. Hadir pada majlis tersebut adalah Speaker Dewan Undangan Negeri, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Majlis juga dihadiri oleh 700 orang yang terdiri daripada Firma Audit Swasta, Badan Profesional dan mantan Pengarah Audit Selangor serta pegawai Audit, Ketua Jabatan Negeri di Selangor dan anggota Jabatan Audit Negara.

TEMA

- 1.4 Tema sambutan pada tahun ini adalah **Peranan Juruaudit Ke Arah Menjayakan RMK9**. Tema ini dipilih memandangkan tahun 2006 merupakan tahun pertama RMK9 dilaksanakan dan bagi mengingatkan Juruaudit betapa pentingnya mereka menjalankan tugas dengan cekap dan berkualiti bagi memastikan setiap program/aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan berhemat serta selaras objektif yang telah ditetapkan.

- 1.5 Walaupun banyak kejayaan telah ditempa sepanjang RMK8, namun masih lagi terdapat kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek yang seharusnya tidak diulangi di bawah RMK9. Oleh yang demikian, bagi memastikan peruntukan kewangan yang berjumlah RM200 bilion dibelanjakan dengan cara yang cekap, berhemat dan selaras dengan objektif yang telah ditetapkan, Jabatan Audit Negara perlu melaksanakan pengauditan yang berkualiti secara berterusan.

PROGRAM

- 1.6 Di antara program yang telah disusun untuk memenuhi majlis ini adalah penyampaian Sijil Penyertaan Program Anak Angkat dan Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih (**Lampiran A**). Pemilihan sekolah untuk menerima sumbangan buku adalah dibuat berdasarkan kepada sosioekonomi dan pencapaian sekolah tersebut. Senarai penerima Sijil Penyertaan Program Anak Angkat dan sekolah terpilih yang menerima sumbangan buku adalah seperti di **Lampiran B dan C**.
- 1.7 Manakala aktiviti pameran yang bertema **Institusi Audit Negara Dahulu, Kini Dan Masa Depan** dan kaunter bertemu pelanggan juga diadakan.
- 1.8 Tujuan pameran diadakan adalah untuk menerangkan peranan dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara, perkembangan Institusi Audit dan sejarah pengauditan sektor awam di negara ini.
- 1.9 Di antara bahan yang dipamerkan adalah Pengauditan Penyata Kewangan, Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Pengauditan Prestasi khusus bagi Cawangan Audit Selangor dan Laporan Ketua Audit Negara bagi Selangor; Laporan akhbar mengenai Penyata Kewangan; Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Prestasi; gambar aktiviti semasa berjalan pengauditan dan program penyampaian sijil anak angkat; dan aktiviti sosial dan kebajikan.
- 1.10 Satu tayangan klip video selama 20 minit bertajuk **Senario Biasa** telah juga ditayangkan. Klip video ini bertujuan meningkatkan kesedaran di

pihak auditi mengenai tanggungjawab mereka dalam pengurusan kewangan

PERASMIAN

- 1.11 Ketua Audit Negara dalam ucapan aluannya meletakkan harapan agar sebarang kelemahan atau kesilapan yang dikenal pasti sama ada dalam pengurusan kewangan ataupun pengurusan projek segera diperbetulkan dan tidak berulang bagi memelihara imej Jabatan/Agensi Kerajaan dan menghindari tanggapan negatif masyarakat dan media.
- 1.12 Beliau juga menekankan akan tanggungjawab juruaudit untuk memantau pelaksanaan RMK9 dengan cara pengauditan berpandukan kepada saranan Y.A.B. Perdana Menteri.
- 1.13 Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dalam ucaptamanya menekankan akan pentingnya peranan Jabatan Audit Negara bukan sahaja untuk memastikan wujudnya akauntabiliti serta ketelusan di dalam Pengurusan Wang Awam tetapi juga untuk menilai sejauh mana inisiatif kerajaan telah mencapai objektif yang telah ditetapkan.
- 1.14 Di samping itu, juruaudit juga perlu melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran masa depan dengan memperoleh ilmu dan kepakaran baru selaras dengan saranan Y.A.B. Perdana Menteri supaya konsep pembelajaran sepanjang hayat diamalkan.

RUMUSAN

- 1.15 Sambutan Hari Audit Se Malaysia Tahun 2006 telah berlangsung dengan jayanya dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pihak luar dan dalam Jabatan. Dengan adanya sambutan ini, ianya telah berjaya memberi peluang kepada Jabatan/Agensi untuk memahami peranan Jabatan Audit Negara dan mendapat pandangan/nasihat kewangan/aktiviti mereka serta mendapat maklum balas ke arah menambahbaikkan pengurusan audit.

**ATUR CARA MAJLIS
HARI AUDIT SE MALAYSIA 2006
5 DISEMBER 2006**

- 10.30 pg. : Ketibaan Para Jemputan
- 11.00 pg. : Ketibaan Y.A.B Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo
Menteri Besar Selangor
- Lagu Negaraku
 - Lagu Selangor Maju
 - Lagu Korporat Jabatan Audit Negara
- Bacaan Doa oleh:
Al-Fadhil Ustaz Hj. Aluwi b. Parman
Timbalan Pengarah, Bahagian Perundangan Keluarga
Jabatan Agama Islam Selangor
- Ucapan oleh:
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang
Ketua Audit Negara Malaysia
- Ucuptama dan Perasmian oleh:
Y.A.B Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
Menteri Besar Selangor
- Persembahan Klip Video
- Penyampaian:
- Sijil Penyertaan Program Anak Angkat
Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih
- Lawatan ke Pameran
- Sidang Media
- 12.15 tgh. : Jamuan Tengahari
- Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Audit Negara Malaysia
- 4.00 ptg. : Bersurai

Penerima Sijil Penyertaan Program Anak Angkat Tahun 2005/2006

Persekutuan

1. Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, Jabatan Kerja Raya
2. Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia
3. Institut Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu
4. Institut Pertanian, Parit, Perak
5. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Wilayah Persekutuan
6. Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
8. Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) Wilayah Persekutuan
9. Unit Kewangan, Bahagian Pinjaman Perumahan

Selangor

10. Lembaga Muzium Selangor
11. Majlis Daerah Kuala Selangor, Selangor
12. Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Selangor
13. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, Selangor
14. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Selangor
15. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam, Selangor

Johor

16. Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor
17. Pejabat Daerah Mersing, Johor
18. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor

Melaka

19. Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Negeri Melaka

Negeri Sembilan

20. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan
21. Majlis Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan

22. Majlis Perbandaran Port Dickson, Negeri Sembilan
23. Pejabat Kesihatan Daerah Seremban, Negeri Sembilan

Perak

24. Majlis Daerah Tanjung Malim, Perak

Kedah

25. Jabatan Kerja Raya Daerah Langkawi
26. Majlis Daerah Pendang, Kedah
27. Pejabat Daerah Langkawi
28. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah

Pulau Pinang

29. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Pulau Pinang

Kelantan

30. Majlis Daerah Gua Musang, Kelantan
31. Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan

Terengganu

32. Jabatan Kehakiman Syariah, Terengganu
33. Lembaga Muzium Negeri, Terengganu
34. Majlis Daerah Setiu, Terengganu
35. Sekolah Menengah Agama Setiu, Terengganu

Pahang

36. Majlis Daerah Rompin, Pahang
37. Majlis Sukan Pahang
38. Pejabat Daerah dan Tanah Lipis, Pahang

Perlis

39. Majlis Sukan Negeri Perlis

Senarai Sekolah Terpilih Yang Menerima Sumbangan Buku

1. Sek. Agama Rakyat Al-Mumtaz, Telok Gong, Klang, Selangor
2. Sek. Agama Rakyat (KAFA Integrasi), Sijangkang, Kuala Langat, Selangor
3. Sek. Agama Rakyat Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor
4. Sek. Keb. Kuala Ponsun, Hulu Langat, Selangor
5. Sek. Keb. Parit 9, Sekinchan, Selangor
6. Sek. Keb. Permatang Pasir, Kuala Langat, Selangor
7. Sek. Keb. Seri Gembut, Kuala Selangor, Selangor
8. Sek. Keb. Sri Kledang, Ulu Selangor, Selangor
9. SJK(C) Phoon Min, Sabak Bernam, Selangor
10. SJK(T) Nigel Gardener, Kuala Selangor, Selangor

**UCAPAN ALUAN
KETUA AUDIT NEGARA
Y. BHG. TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN
BIN BUANG**



Bersyukurlah kita ke hadrat Allah swt kepada pada pagi ini kita dapat berkumpul di Shah Alam ini bagi memperingati Hari Audit Se Malaysia. Institusi Audit di Malaysia sudah berusia 100 tahun pada tahun lalu, bermakna peranan juruaudit untuk menegakkan prinsip akauntabiliti dan integriti dalam urus tadbir sektor awam sudah wujud sekian lama dan masih lagi relevan. Maka setiap tahun kita mahu membawa mesej ini ke seluruh negara dengan mengadakan sambutan Hari Audit ke negeri-negeri bermula pada tahun ini di Selangor.

2. Maka bagi pihak seluruh warga Audit Malaysia saya mengalu-alukan kehadiran Y.A.B Menteri Besar Selangor yang telah sudi merasmikan majlis kita pagi ini. Y.A.B. Dato' Seri, terima kasih tidak terhingga kerana memberi penghormatan sebegitu tinggi kepada warga audit. Saya percaya negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju yang sentiasa menghadapi cabaran-cabaran urus tadbir ingin dan mampu menjadi negeri contoh dari segi kepimpinan dan komitmen yang jitu untuk sentiasa menjulang akauntabiliti dan integriti di kalangan semua peringkat penjawat awam.

3. Saya juga mengalu-alukan kehadiran Ketua-ketua Jabatan dan Agensi negeri Selangor yang merupakan satu penghormatan yang tinggi kepada warga audit sekalian.

4. Kami warga audit, menerusi laporan-laporan kami sentiasa membantu pentadbiran Kerajaan di semua peringkat dengan memberi maklum balas-maklum balas yang objektif agar penambahbaikan-penambahbaikan dapat diusahakan oleh pihak auditi dalam semangat muhasabah dan istiqamah. Alhamdulillah peranan ini dapat kami mainkan tanpa '*fear or favor*' kerana kita mengutamakan kebenaran dan ketepatan dalam menzahirkan laporan kami di mana pihak auditi sentiasa diberi peluang untuk mengia atau menidakkan laporan-laporan pemerhatian audit.

5. Harapan kami ialah sebarang kelemahan atau kesilapan yang dikenal pasti sama ada dalam pengurusan kewangan ataupun pengurusan projek segera diperbetulkan. Tidak kurang penting juga semoga kelemahan-kelemahan dan kesilapan tidak diulangi supaya imej sesuatu jabatan atau agensi Kerajaan dipelihara dan dijauhi daripada tanggapan-tanggapan negatif daripada masyarakat dan pihak-pihak yang berkepentingan seperti media. Bagi memastikan kelemahan yang dianggap biasa dan berulang kali ditegur oleh audit itu eloklah Ketua-ketua Jabatan dan Agensi mengamalkan slogan 'Membetulkan yang biasa dan Membiasakan yang betul' kalau benar kita betul-betul komited kepada pengamalan prinsip 'akauntabiliti' dan integriti.

6. Kita semua akui betapa pentingnya peranan Ketua Jabatan dan Agensi, bermula dengan sikap mereka terhadap teguran-teguran audit. Apakah sikap mereka terhadap pelanggaran peraturan dan prosedur pengurusan kewangan Kerajaan dipandang serius atau sebaliknya diperlekehkan. Kalau ketua memperlekehkan undang-undang dan peraturan, maka anak buah mereka mungkin menganggap peraturan dan prosedur itu tidak penting diikuti. Kesan atau impaknya ialah rekod-rekod perakaunan dan kewangan menjadi kelim kabut, berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa, berlaku pemborosan dan pembaziran dan mungkin juga berlaku rasuah. Kerajaanlah yang menanggung kerugian, perlu berbelanja lebih dan sebagainya. Dalam hal ini kita akan merasa sedih kalau mereka yang sepatutnya bertanggungjawab diberi penghormatan dari segi anugerah khidmat cemerlang, naik pangkat dan diberi medal dan bintang kebesaran.

7. Saya rasa tugas utama Ketua-ketua Jabatan dan Agensi dalam memastikan akauntabiliti dan integriti di kalangan anak-anak buah mereka ialah mengadakan pemantauan yang berkualiti. Kalau sekadar mengambil maklum laporan-laporan bertulis anak buah mereka belumlah cukup. Tidak cukup Ketua-ketua Jabatan dan Agensi perlu tahu apakah isu-isu yang dibangkitkan oleh audit, baik audit luar ataupun audit dalam. Mereka mesti pastikan tindakan-tindakan pembetulan diambil segera. Tidak cukup mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun diadakan di peringkat Jabatan/Agensi sebanyak 4 kali setahun seperti yang diarahkan tapi mereka hendaklah pastikan isu-isu itu telah diselesaikan. Pastikan ada latihan untuk staf yang berterusan. Sekali sekala semaklah sendiri buku vot, daftar aset, semaklah berapa banyak bil

yang belum dibayar dan sebagainya. Pengurusan kewangan *hands-on* amat penting bukan di *didelegatekan* sahaja kerana sebagai Pegawai Pengawal, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi perlu jangan hilang kawalan.

8. Tema perayaan Hari Audit ini ialah Peranan Audit untuk RMK9 bermaksud warga audit juga mempunyai peranan untuk menjayakan segala program dan projek yang hendak dilaksanakan di bawah RMK9. Perbelanjaan sebenar RM200 bilion di peringkat Persekutuan dan beberapa bilion lagi di peringkat negeri tentunya menuntut kami di Jabatan Audit memantau sama ada perbelanjaan tersebut dibuat secara telus dan berakauntabiliti. Saya tahu banyak lagi pihak yang telah dipertanggungjawabkan untuk memantau RMK9 ini. Kami juga akan memantau mengikut cara audit berpandukan saranan-saranan yang telah dikemukakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam ucapannya mengenai RMK9. Sekurang-kurangnya ada 4 perkara yang ditegaskan oleh Perdana Menteri kalau kita masih ingat.

9. Pertama, projek-projek pembangunan hendaklah disiapkan mengikut jadual tanpa kompromi tentang kualiti dan kenaikan kos. Di sinilah pentingnya pemantauan, terutama *on-site supervision* yang berterusan terhadap kerja-kerja yang dibuat oleh kontraktor. Macam-macam hal boleh berlaku kalau kontraktor tahu Ketua-ketua Jabatan tak kisah, kita tidak mahu projek terbengkalai. Kalau jelas kontraktor tak mampu lagi buat kerja, tamatkanlah segera dan carilah pengganti segera.

10. Keduanya tidak guna sesuatu bangunan itu siap tetapi ia tidak dapat dioperasi mengikut jadual disebabkan kepincangan perancangan dari segi sumber manusianya atau alat kelengkapannya. Maka ini akan timbul tanda tanya kepada masyarakat setempat yang melihatnya sebagai gajah putih.

11. Amatlah malang jika bangunan-bangunan dan fasiliti-fasiliti yang telah siap tidak dijaga atau diselenggarakan dengan baik, sehingga timbul masalah vandalisme atau kerosakan yang memerlukan kerja-kerja pembaikan dan mungkin juga kos tambahan kepada Kerajaan.

12. Tidak kurang pentingnya ialah memastikan *outcome* atau impak sesuatu program atau projek itu benar-benar dapat dimanfaatkan oleh kumpulan sasaran dan tidak berlaku sebarang kebocoran mahupun ketirisan.

13. Semua ini kalau tidak dipantau secara berkualiti akan menimbulkan kemarahan penduduk dan rakyat serta menjejaskan kewibawaan Kerajaan. Inilah tanggungjawab kita semua yang mengaudit mahupun yang diaudit yang memerlukan pengamalan nilai-nilai murni seperti keikhlasan, akauntabiliti, integriti dan kecekapan sepanjang masa.

14. Kepada warga audit semua, marilah kita berusaha mempertingkatkan kualiti dan profesionalisme kita. Marilah kita memperbaharui azam dan tekad kita untuk menjadi Jabatan contoh dan pegawai contoh, sentiasa bekerjasama bantu-membantu dan bersetia kawan.

15. Akhir kalam, sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.A.B. Menteri Besar Selangor dan para hadirin yang sudi bersama-sama menjayakan perhimpunan Hari Audit 2006 ini.

Sekian, terima kasih.

UCAPAN PERASMIAN
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
Y.A.B. DATO' SERI DR. HJ. MOHAMAD
KHIR B. TOYO



Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang
Ketua Audit Negara Malaysia

YB. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Y. Bhg. Dato' Azizah Bte Haji Arshad

Timbalan Ketua Audit Negara Merangkap Pengerusi Hari Audit Se Malaysia 2006

Y. Bhg. Dato'- Dato', Datin-Datin

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Audit Negara

Tuan-tuan dan Puan-puan, hadirin yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah Swt. kerana dengan rahmatnya kita dapat bersama-sama pada pagi ini bagi menjayakan Sambutan Hari Audit Se Malaysia Tahun 2006.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Jabatan Audit Negara kerana telah memilih negeri Selangor sebagai lokasi sambutan kali ini. Ucapan terima kasih juga kepada Jabatan Audit Negara kerana sudi mengundang saya untuk menyempurnakan majlis pada hari ini dan menyampaikan sepatah dua kata.

3. Pada pandangan saya tema yang telah dipilih untuk sambutan pada tahun ini **Peranan Juruaudit Ke Arah Menjayakan RMK9** amat bersesuaian kerana tahun 2006 merupakan tahun permulaan kepada pelaksanaan rancangan pembangunan lima tahun ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. RMK9 mempunyai signifikan yang amat besar kepada negara kerana ia adalah fasa pertama misi nasional bagi merealisasikan Wawasan Kebangsaan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020. Sejumlah RM200 bilion telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembangunan negara sepanjang lima tahun ini.
5. Jabatan Audit Negara mempunyai peranan yang penting bukan sahaja untuk memastikan wujudnya akauntabiliti serta ketelusan di dalam Pengurusan Wang Awam tetapi juga untuk menilai sejauh mana inisiatif kerajaan telah mencapai objektif yang telah ditetapkan.
6. Saya yakin dan percaya bahawa rakyat Malaysia menaruh harapan yang amat tinggi kepada Jabatan Audit Negara agar mereka dapat memainkan peranan ini dengan berkesan.
7. Arahan Y.A.B Perdana Menteri yang menghendaki semua pihak memberikan perhatian yang serius kepada teguran Ketua Audit Negara dan seterusnya mengambil tindakan susulan bagi mengatasinya dengan segera perlulah dipatuhi.
8. Saya sering menyarankan supaya Jabatan dan Agensi di negeri Selangor memastikan setiap kelemahan pengurusan kewangan/aktiviti yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit diperbetulkan segera dan seterusnya memastikan kelemahan yang sama tidak akan berulang.
9. Sebagai sebuah negeri maju, Jabatan dan Agensi di negeri Selangor sepatutnya memastikan semua aktiviti atau projek dilaksanakan dengan sempurna bagi mencapai matlamat yang ditetapkan dan hasilnya dapat dinikmati oleh rakyat.
10. Pada pandangan saya, kegagalan untuk menyelenggarakan rekod-rekod perakaunan seperti mana teguran oleh Ketua Audit Negara tidak sesekali wajar dipandang ringan kerana ia merupakan perkara asas bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman di Jabatan serta agensi.

11. Peningkatan dalam pengurusan kewangan di sektor awam boleh dicapai sekiranya semua kategori pegawai dalam sesebuah organisasi memahami tugas dan tanggungjawab mereka dan seterusnya melaksanakan tugas tersebut dengan penuh komitmen selaras dengan peraturan kewangan.

12. Sehubungan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Audit Negara yang telah memperkenalkan pelaksanaan satu inisiatif yang saya kira amat pro aktif iaitu Program Anak Angkat di Jabatan serta Agensi yang memerlukan panduan dan nasihat dalam pengurusan kewangan. Di negeri Selangor, saya difahamkan semenjak tahun 2003 tidak kurang daripada 4 pejabat telah dipilih untuk menyertai Program Anak Angkat. Pada keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan pejabat yang telah dipilih untuk menyertai program tersebut telah bertambah baik. Saya berharap program ini dapat diteruskan supaya lebih banyak lagi pejabat/agensi mendapat bimbingan yang diperlukan daripada Jabatan Audit Negara bagi memastikan pengurusan kewangan berada di tahap yang boleh dibanggakan. Kepada mereka yang telah diberikan Sijil Penyertaan Program Anak Angkat, saya berharap tahap prestasi pengurusan yang telah diperbaiki itu hendaklah terus dikekalkan melalui penyeliaan yang rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Saya dapati selain daripada melaksanakan program anak angkat, Jabatan Audit Negara telah juga melaksanakan beberapa pendekatan baru dalam pengauditan dan juga penyediaan Laporan Ketua Audit Negara bagi menyesuaikan dengan keperluan masa kini. Antaranya ialah dengan menyediakan laporan yang seimbang di mana selain daripada melaporkan kelemahan sesuatu pengurusan juga melaporkan usaha penambahbaikan yang telah dibuat oleh agensi tersebut. Bentuk pelaporan seumpama ini pada pandangan saya boleh menjadi insentif kepada kakitangan Jabatan/Agensi. Pendekatan baru yang telah diambil oleh Jabatan Audit Negara saya yakin dan percaya akan berjaya menukarkan persepsi orang awam terhadap Jabatan ini daripada *fault finder* kepada pihak yang sentiasa dialu-alukan kehadirannya.

14. Seperti juga profesion yang lain, saya berharap juruaudit juga patut melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran masa depan. Ilmu dan kepakaran baru mesti diperoleh selaras dengan saranan Y.A.B Perdana Menteri supaya konsep pembelajaran sepanjang hayat dijadikan misi seseorang penjawat awam. Sehubungan itu, adalah diharapkan Akademi Audit Negara dapat berfungsi dalam memberi latihan kepada warga kerja Jabatan/Agensi luar bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan sektor awam.

15. Sebenarnya setiap dari kita memikul tanggungjawab atas kerja yang dilakukan dan akan ada pihak atasan yang terus memerhati, menilai dan membuat keputusan sama ada kita telah menjalankan tugas yang diberi dengan sempurna. Bagi mereka yang beragama Islam, penilai tertinggi ialah Allah Swt. Pada saya, orang yang bertanggungjawab adalah orang yang menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya dengan penuh dedikasi, bersedia menjawab sebarang soalan mengenainya serta memikul risiko daripada kerja yang dijalankan. Ini adalah selaras dengan Hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

“setiap orang daripada kamu merupakan penjaga dan setiap penjaga bertanggungjawab terhadap apa yang dijaganya.”

16. Saya berharap majlis ini dapat dimanfaatkan oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan untuk mengenali dengan lebih dekat peranan dan fungsi Jabatan Audit Negara ke arah mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan. Pada masa yang sama juga Jabatan/Agensi boleh mendapatkan nasihat dan pandangan daripada anggota Jabatan Audit Negara berhubung dengan isu pengurusan kewangan serta pengurusan projek yang mungkin mereka hadapi.

17. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas Sambutan Hari Audit Se Malaysia 2006 ini. Saya berdoa semoga Jabatan Audit Negara akan terus berjaya meningkatkan profesionalisme serta imej Jabatan Audit Negara dalam menjamin keberkesanan serta kecekapan pengurusan kewangan dan seterusnya meningkatkan tahap akauntabiliti awam.

18. Akhir kata, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, sukacita saya merasmikan Hari Audit Se Malaysia 2006 ini.

Pejabat Menteri Besar
Selangor

JAWATANKUASA PENGANJUR

JAWATANKUASA PENGANJUR

Jawatankuasa yang telah dilantik bagi melaksanakan program Hari Audit Se Malaysia Tahun 2006 adalah seperti berikut:

Penasihat	:	Y.Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin b. Buang
Pengerusi	:	Y.Bhg. Dato' Azizah bt. Hj. Arshad
Setiausaha	:	En. Khalid Khan b. Abdullah Khan
Ahli Jawatankuasa	:	Tn. Hj. Anwari b. Suri
		Tn. Hj. Mustafa b. Hj. Saman
		Y.M. Pn. Ungku Arfah b. Ungku Tahir
		En. Zaaba b. Zainuddin
		En. Juhari b. Harun
		Pn. Kartina bt. Zamhari
		En. Abd. Wahab b. Ahmad
		Pn. Yusnani bt. Zakaria
		Pn. Hjh. Noraini bt. Abdul Wahab
		En. Sawaludin b. Md. Nor
		Tn. Hj. Muhammad Iskandar b. Mokhtar
		Pn. Patimah bt. Ramuji
		En. Mohd Nasri b. Mohd Nasir
		Pn. Noribah bt. Khalid
		En. Abdul Rahman b. Johor
		Pn. Zainah bt. A. Shahul Hameed
		Pn. Kasmawati bt. Abdul Latif
		Pn. Rahimas bt. Omar
		En. Mohd Yusri b. Karim
		Cik Badariah bt. Abas
		Tuan Badrul Hisham b. Tuan Jusoh
		Pn. Nor Asma bt. Abdullah Sani
		Pn. Jaleha bt. Senin
		En. Md. Yazit b. Hashim
		En. Romli b. Kasim



Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin b. Buang menyambut
ketibaan Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir b. Toyo



Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir b. Toyo diiringi oleh Y. Bhg.
Tan Sri Dato' Setia Ambrin b. Buang masuk ke Dewan Perdana



Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir b. Toyo dan Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin b. Buang berdiri menyanyikan lagu NegaraKu



Ucapan Aluan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin b. Buang



Ucapan Perasmian Hari Audit Se Malaysia Tahun 2006
Oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir b. Toyo



Hadirin sedang mendengar ucapan perasmian oleh
Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir b. Toyo



Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir b. Toyo
sedang menghadiri sesi Sidang Media



Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir b. Toyo sedang
menyampaikan Sijil Penyertaan Program Anak Angkat



Y.Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin b. Buang sedang menyampaikan sumbangan buku kepada sekolah terpilih



Antara paparan yang dipamerkan semasa Hari Audit Se Malaysia



Pameran Laporan Audit yang dikeluarkan oleh
Cawangan Audit Selangor



Antara keratan Laporan Akhbar mengenai pengauditan
yang dipaparkan

